



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT (BUKAN AKADEMIK)
KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2015**

Sukacita Universiti Malaysia Sabah mempelawa kakitangan yang berkeelayakan, dinamik, kreatif dan inovatif untuk mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pelaksana seperti berikut:

KUMPULAN PELAKSANA (I & II)					
BIL	JAWATAN	GRED	JADUAL GAJI (RM)		KEKOSONGAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	Penolong Jurutera	JA38	3,483.00	7,144.00	1
		JA36	3,090.00	6,718.00	1
2.	Penolong Juruukur Bahan	JA36	3,090.00	6,718.00	1
3.	Penolong Pegawai Farmasi	U32	2,214.00	5,774.00	3
4.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U32	2,214.00	5,774.00	1
5.	Jurufotografi	B26	2,503.00	4,789.00	1
6.	Pembantu Tadbir Kewangan	W26	2,485.00	4,753.00	2
		W22	2,167.00	4,234.00	3
7.	Pembantu Tadbir (P/O)	N26	2,483.00	4,751.00	4
		N22	2,165.00	4,233.00	1
8.	Pembantu Laut	A22	1,962.00	4,289.00	1
9.	Juruteknik (KUP)	J22	2,184.00	4,265.00	2
10.	Pengawal Keselamatan	KP14	1,576.00	3,041.00	3
11.	Pemandu Kenderaan	H14	1,576.00	3,041.00	9
12.	Pembantu Operasi	N14	1,572.00	3,037.00	16

SYARAT UMUM KENAIKAN PANGKAT

(Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010)

- telah disahkan dalam perkhidmatan;
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu memperoleh sekurang-kurangnya purata 80% dan ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun terkini;
- diperakukan oleh Ketua Jabatan;

- d) bebas daripada hukuman tatatertib;
- e) telah mengisytiharkan harta;
- f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- g) bebas daripada keberhutangan serius; dan
- h) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat.

ASAS PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT

(Berdasarkan P.U (A) 1 "Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012" Bahagian VIII)

Kenaikan Pangkat adalah berasaskan merit; dan Jawatankuasa Pemilih akan mempertimbangkan calon berdasarkan perkara-perkara berikut:

- a) Kecekapan dan prestasi kerja;
- b) Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman;
- c) Sifat peribadi termasuk kesesuaian dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
- d) Kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat.

Kekananan hanya akan dijadikan asas jika dua atau lebih calon diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat.

CARA MEMOHON

- a) Pemohon hendaklah mengisi CV Online melalui Sistem HR Online di <https://hronline.ums.edu.my> (Permohonan Kenaikan Pangkat) **bermula pada 05 Oktober 2015 (Isnin).**
- b) **Tarikh tutup permohonan adalah pada 03 November 2015 (Selasa).**

MAKLUMAN/PERHATIAN

- a) Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

- b) Permohonan kenaikan pangkat akan dianggap terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.
- c) Jawatankuasa Tapisan Bagi Kenaikan Pangkat Bukan Akademik boleh menetapkan sebarang ujian tapisan terhadap pemohon sebelum sesi temuduga diadakan.
- d) Pihak Pengurusan Universiti berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya mengikut keperluan.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Unit Kenaikan Pangkat, Bahagian Sumber Manusia seperti berikut:

- a) Puan Stella @ Nurul Martini Gontol
Penolong Pendaftar Kanan
No. Sambungan : 1437
Email : stella@ums.edu.my

- b) Cik Nurhanisah Binti Sinin
Pembantu Tadbir (P/O)
No. Sambungan : 1036
Email : neesa@ums.edu.my